

MALAYSIAN ARMED FORCES STUDIES PREPARATORY COURSE (MPC) SIRI 5/18

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4142-malaysian-armed-forces-studies-preparatory-course-mpc-siri-5-18



KUALA LUMPUR, 19 Nov 18 – Majlis pembukaan *Malaysian Armed Forces Studies Preparatory Course (MPC)* Siri 5/18 telah disempurnakan oleh Ketua Staf Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan Udara (MPPLU), Brig Jen Dato' Hj Sanusi bin Hj Samion TUDM bertempat di Hotel Ancasa hari ini.

Kursus yang dikoordinasikan oleh Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang dihadiri seramai 11 orang pegawai kanan berpangkat Leftenan Kolonel TUDM bertujuan untuk menyedia dan melengkapkan penuntut mengenai pengetahuan berkaitan dengan pengajian di Maktab Pertahanan Angkatan tentera (MPAT).

Kursus ini akan dijalankan selama 2 minggu bermula 19 sehingga 30 Nov 18 merangkumi 3 modul iaitu *MAF Defence College Overview*, *Research Methodology* dan *National MAF Defence Studies*.

Turut hadir pada majlis pembukaan Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM.